



**ASAS KEUSAHAWANAN
(ETR 300)**

**SYARIKAT PELANCONGAN
DUNIA BARU SDN.BHD.**

**DISEDIAKAN UNTUK :
EN. HALIM SHUHAIMI B. YEOP JOHARI**

ISI KANDUNGAN

SURAT KEBENARAN

SURAT SERAHAN

SURAT PINJAMAN MODAL

PENGHARGAAN

I

SEKAPUR SIREH

III

BAB 1: PENGENALAN

Pengenalan Perkhidmatan

1

Pengenalan Syarikat

3

Logo Syarikat

5

Huraian Logo

6

Keterangan Warna Logo

7

Tujuan Rancangan Perniagaan

8

Latarbelakang Perniagaan

10

Nama dan Alamat Pemegang Saham Syarikat

12

Latarbelakang Ahli Kongsi

13

BAB 2: RANCANGAN PENTADBIRAN

Pengenalan Organisasi

25

Matlamat Organisasi

26

Strategi Organisasi

28

Pelan Pentadbiran

31

Struktur Organisasi

32

SEKAPUR SIRIH SEKACIP PINANG


Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w kerana dengan limpah kurniaNya kami dapat menyediakan Rancangan Perniagaan (RP) ini dengan jayanya. Dengan siapnya RP ini kami dapat memenuhi satu matapelajaran iaitu Asas Keusahawanan (ETR 300).

Pada peringkat awalnya kami menghadapi banyak masalah dan kesukaran yang tidak dapat dielakan dalam menyiapkan RP ini kerana ini merupakan kali pertama kami bertanggungjawab menyiapkan satu tugas yang besar. Dengan bantuan daripada pelbagai pihak dan berkat daripada usaha kami Alhamdulillah RP ini dapat juga disiapkan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Dengan adanya, matapelajaran ETR 300 ini, kami dapat mempelajari sedikit sebanyak mengenai selok-belok dunia perniagaan. Pengalaman yang kami perolehi dalam bidang pentadbiran, pemasaran, operasi dan kewangan sesebuah syarikat semasa hendak membuat RP ini begitu bermakna sekali buat kami. Ini kerana ia dapat membantu kami sekiranya kami ingin membuka perniagaan sendiri kerana teori-teori yang kami pelajari banyak membantu kami dan memberi banyak pengalaman dalam menguruskan sesebuah syarikat apabila kami berada di alam pekerjaan nanti. Segala aspek yang kami pelajari sungguh bermakna dan amat membantu kami.

Akhir kata, semoga segala usaha kami akan diberkati oleh Allah s.w.t dan kami juga ingin memohon maaf kepada semua yang terlibat dalam proses menyiapkan RP ini sekiranya ketika proses ini dijalankan terdapat kesalahan yang tidak disengajakan telah berlaku. Oleh itu, segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

Wassalam.



(Wan Nurul Hafiz bt. Wan Ismail)

Pengurus Besar

PENGENALAN

Perkhidmatan Pelancongan

Faktor alam sekitar, sejarah dan kebudayaan telah membawa kepada kecemerlangan industri pelancongan di Malaysia. Tarikan ketiga-tiga faktor ini menjadi pemangkin utama kepada perkembangan pelancongan yang menggamit pelancong tempatan umumnya dan pelancong asing. Keistimewaan destinasi-destinasi pelancongan Malaysia menjadikan industri pelancongan ini penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan negara selepas sektor pembuatan dan petroleum.

Kami telah memilih untuk memberikan khidmat sebagai ejen pelancongan memandangkan industri ini mempunyai potensi yang besar untuk berkembang. Mengikut statistik yang telah dikeluarkan oleh kerajaan, sebanyak 6.6 juta pelancong dari luar negara telah memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka. Walaubagaimana pun, syarikat kami juga menawarkan khidmat pelancongan keluar negara bagi penduduk tempatan memandangkan keadaan ekonomi negara kita semakin pulih.

Di dalam mana-mana perniagaan pasti wujudnya persaingan, begitu juga dengan bidang perniagaan yang bakal kami ceburi. Tidak dinafikan terdapat banyak pesaing yang kami perlu hadapi. Namun begitu pemilihan lokasi yang strategik, pengurusan dan penyelarasan yang baik serta kelainan yang dibuat oleh syarikat kami mampu menarik pelanggan dan memberi pulangan yang menguntungkan.